

Kerjasama strategik PSM, UPM


PERBADANAN Stadium Malaysia (PSM) dan Universiti Putra Malaysia (UPM) memeterai memorandum persefahaman (MoU) bertujuan memajukan bidang pengurusan dan penganjuran sukan di Stadium Nasional, Bukit Jalil, Kuala Lumpur.

Ketua Pegawai Eksekutif PSM, Azman Fahmi Osman berkata, MoU tersebut merupakan satu bentuk kerjasama dan bakal memberi manfaat dalam pelbagai bidang seperti penyelidikan, perkongsian kepakaran yang merangkumi aspek pertanian, reka bentuk, perhutanan dan hortikultur.

Menurut beliau, kerjasama strategik selama lima tahun di antara PSM dan UPM itu merupakan amalan yang sering dilakukan oleh negara-negara maju dalam usaha membentuk satu kemudahan sukan yang terancang.

"PSM memilih untuk berkolaborasi bersama UPM selepas mengambil kira latar belakang UPM yang merupakan sebuah universiti tertua dalam bidang pertanian yang diperakui kredibiliti dan kepakarannya dalam bidang pertanian hortikultur.

"Selain sebagai langkah memastikan



AZMAN (kanan) dan Aini (tengah) melihat keadaan rumput di Stadium Nasional selepas majlis MoU antara PSM serta UPM di Bukit Jalil, Kuala Lumpur kelmarin.

rumput, landskap dan perkara lain yang berkaitan dengan hortikultur sentiasa dalam keadaan terbaik, usaha ini juga

mbolehkan kajian dibuat untuk meningkatkan lagi kualiti, ketahanan dan pemulihran bagi rumput di Stadium Na-

sional Bukit Jalil," katanya pada sidang akhbar MoU tersebut di Bukit Jalil, Kuala Lumpur kelmarin.

Sementara itu, Naib Canselor UPM, Prof. Datin Paduka Aini Ideris berkata, MoU yang ditandatangani tersebut mampu menjadi pendorong bagi meningkatkan kerjasama yang telah sedia terjalin lebih sedekad.

"Sebelum ini pakar-pakar UPM terlibat dalam memberi khidmat nasihat kepada PSM berkaitan kaedah mengendalikan rumput. Jika kita lihat rumput yang ditanam di tengah kawasan padang itu adalah hasil perbincangan bersama selepas beberapa penyelidikan dan kajian yang dibuat.

"Selain itu, kami juga ingin bersama-sama dengan PSM membantu memastikan landskap di Stadium Nasional menjadi satu landskap yang unik dan boleh dibanggakan seluruh rakyat Malaysia," katanya.

Beliau berkata, MoU tersebut turut menjadikan PSM sebagai lokasi bagi pakar UPM menjalankan kajian akademik selain menjadi penempatan latihan industri bagi pelajar UPM. - Bernama